

Kajian Perbandingan Dasar Luar Malaysia dengan Yugoslavia Era Perang Dingin

Azlizan Mat Enh, Zubaidah VP Hamzah, Mohd. Samsudin
Rupawan Ahmad, Farah Afizah Yacob, & Nadiah Yunos

Abstrak

Kajian ini adalah kajian perbandingan dasar luar Malaysia di bawah Tunku Abdul Rahman dengan Yugoslavia yang dipimpin oleh Josip Broz Tito dalam isu keselamatan dan kedaulatan negara. Tempoh masa kajian adalah pada tahun 1945 sehingga 1970 iaitu dalam era Perang Dingin. Ketika itu dunia terbahagi kepada dua blok iaitu demokrasi dan komunis. Tunku Abdul Rahman sebagai pemimpin negara Malaysia yang baru merdeka daripada Britain pada tahun 1957 melihat komunis sebagai ancaman kepada keselamatan negara dan bekerjasama membantu Amerika membanteras komunis di Asia. Berbeza dengan Yugoslavia, walaupun sebuah negara sosialis tetapi telah menghadapi ancaman dan tekanan daripada komunis Soviet sejurus selepas Perang Dunia ke II apabila negara itu dilabelkan oleh Soviet sebagai pengkhianat kepada perjuangan dan ideologi komunis. Artikel ini akan mengkaji dasar luar kedua-dua pemimpin negara tersebut dalam menghadapi ancaman luar dan melihat keberkesanan dasar luar mereka dalam konteks keselamatan negara masing-masing ketika era Perang Dingin. Perbincangan kepada artikel ini adalah berasaskan analisis ke atas sumber-sumber dokumen yang diperolehi di dan Arkib Negara Malaysia dan Arkib National Washington, DC. Dapatan kajian menunjukkan bahawa dasar luar Malaysia era Tunku Abdul Rahman yang pro-Barat dan Yugoslavia oleh Tito yang mengamalkan dasar luar yang neutral dan bebas daripada mana-mana blok adalah mengikut kepentingan semasa keadaan negara masing-masing ketika berhadapan dengan ancaman anasir luar.

PENDAHULUAN

Pada tahun 1944, Tito mendapat sokongan sepenuhnya daripada Amerika dan Britain. Amerika dan Britain mengiktiraf Tito dan Partisan kerana melihat sokongan rakyat yang padu pada Partisan. Pada Jun 1944, Churchill telah menyusun pertemuan antara Tito dengan Subasic supaya berbincang tentang kerajaan yang akan dibentuk di Yugoslavia. Tito bersetuju untuk melantik Subasic sebagai Menteri Luar Yugoslavia dan Tito sebagai Perdana Menteri. Perjanjian tersebut yang ditandatangani di Dalmatia dikenali sebagai Perjanjian Tito-Subasic 1944.¹ Tujuan Amerika dan sekutunya adalah untuk menyeimbangkan pengaruh antara monarki dan komunis. Pengiktirafan Amerika kepada perjuangan Partisan menentang Nazi berjaya membawa hubungan yang baik antara Amerika dan Partisan yang dipimpin oleh Tito.² Selepas dilantik sebagai Presiden Yugoslavia Tito telah merencanakan dasar luarnya sendiri dalam bidang keselamatan, politik dan ekonomi secara berdikari tanpa terikat kepada mana-mana pihak.

Malaysia pula mempunyai senario yang berbeza dengan Yugoslavia. Malaysia yang baru mencapai kemerdekaan pada tahun 1957 masih cenderung mengikut model barat khususnya Britain dalam dasar luarnya berhubung keselamatan, ekonomi dan politik. Ini kerana Malaysia yang ketika itu di bawah pimpinan Tunku Abdul Rahman melihat bahawa faktor sejarah adalah penting sebagai asas kepada penggubalan dasar luar Malaysia. Malaysia pernah menghadapi ancaman komunis sekitar tahun 1946 sehingga 1960 sehingga Tanah Melayu ketika itu diisytiharkan sebagai darurat oleh kerajaan British. Oleh itu, selepas mendapat kemerdekaan, Tunku Abdul Rahman melihat komunis sebagai ancaman kepada keselamatan dan kedaulatan negara Malaysia yang baru merdeka. Dasar luar Tunku adalah tidak menjalinkan hubungan diplomatik dengan mana-mana negara komunis.

¹ Richard Frucht (editor), *Eastern Europe : An Introduction to the People, Lands and Culture* (Vol 1) Publisher: ABC- CL10, Incorporated 2004.hlm 430.

² Lorraine M.Lees, *Yugoslav-Americans and National Security During World War II*, University Illinois Press.2007.hlm 167.

DASAR LUAR KESELAMATAN MALAYSIA SEMASA TUNKU ABDUL RAHMAN

Dasar luar Malaysia asasnya bergantung kepada kedudukan Malaysia di Asia Tenggara. Objektif utama dasar luar Malaysia ialah untuk menjaga keselamatan negara dan mengekalkan kedaulatan negara Malaysia yang merdeka dan memastikan kuasa luar menghormati politik dan kesatuan negeri-negeri di Malaysia. Paling utama sekali ialah mengawal ancaman luar terhadap negara kita. Komunis dianggap sebagai salah satu ancaman luar kepada Malaysia di bawah pimpinan Tunku Abdul Rahman yang bersifat pro British. Bagi mencapai matlamat ini Tunku membentuk hala-tuju iaitu mendapatkan sekutu yang sehaluan dengan objektif dasar luar Malaysia. Antaranya menyokong badan-badan antarabangsa seperti Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dengan mempromosikan keamanan dengan mengurangkan ketegangan dan kebimbangan.³

Seperti yang dibincangkan sebelum ini, pendekatan Tunku yang pro- Barat dan anti komunis menyebabkan Malaysia tidak mempunyai hubungan diplomatik dengan mana-mana negara komunis. Dasar anti komunis Tunku dan kebimbangannya terhadap pengaruh komunis jelas dilihat ketika Tanah Melayu enggan memberikan respons untuk menyokong China yang ingin menyekat keanggotaan Taiwan dalam PBB, walaupun Soviet Union dan beberapa negara benua Eropah menyokong China ketika membahaskan usul 'dua China' dibentangkan di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).⁴ Kebimbangan Tunku terhadap komunis dari China dijelaskan melalui ucapannya:

“ Kita hendaklah juga menyedari bahawa Cina komunis sepanjang masa memandangkan ke arah kita dengan harapan suatu hari kelak akan menguasai seluruh Asia Tenggara”.⁵

³ Dasar Luar : 1957-1992: Satu Kajian, Arkib Negara Malaysia 2002/0007793 hlm 1.

⁴ J.Saravanamuttu, *The Dilemma of Independence: Two Decades of Malaysia's Foreign Policy 1957-1977*, Universiti Sains Malaysia Press, 1983. hlm .27

⁵ Ucapan Tunku di Perhimpunan Agung UMNO pada 31 Julai 1966.

“memang benar, saya takut Cina komunis dan dasar-dasar mereka, kalau mereka tidak mengakibatkan pencerobohan secara langsung mereka akan menggunakan orang lain untuk menimbulkan huru-hara”.⁶

Dasar anti komunis Tunku ini dapat difahami, kerana Malaysia masih menentang sokongan yang diberikan oleh negara China terhadap gerakan komunis di Tanah Melayu. Tunku tidak mahu mengadakan hubungan diplomatik dengan China atas tujuan tidak mahu hubungan diplomatik tersebut menjejaskan soal keselamatan dan ekonomi Tanah Melayu. Oleh itu dasar luar Malaysia semasa Tunku lebih kepada menyokong Britain dan Komanwel dalam aspek keselamatan terutamanya untuk menghadapi komunis. Ketegasan pendiriannya terhadap negara Barat juga terkandung dalam ucapannya “*Malay is not neutral. We are anti-communist and stand with the west*”.(Perbahasan Parlimen 1967).

Sebagai langkah persediaan, Tunku telah menandatangani Perjanjian Pertahanan dengan Britain pada tahun 1957 yang dikenali sebagai AMDA atau “*Anglo Malaysian Defence Agreement*”.⁷ Melalui perjanjian ini Britain bersetuju untuk memberi perlindungan dari aspek militari dan pertahanan kepada Malaysia sekiranya terdapat ancaman musuh dari luar dan melatih serta memajukan angkatan bersenjata negara.⁸ Sebagai balasannya, negara kita juga mempunyai komitmen membantu Britain sekiranya menghadapi sebarang serangan ke atas wilayah jajahan British di Hong Kong, Singapura, Utara Borneo Sarawak dan Brunei.

Selain itu, Tunku Abdul Rahman turut menjadi anggota Pertubuhan Komanwel pada tahun 1957 dengan tujuan untuk menjalinkan hubungan baik dengan Britain dan negara-negara bekas tanah jajahan British. Keputusan menjadikan Tanah Melayu sebagai sebahagian daripada anggota Komanwel telah dinyatakan secara peribadi oleh Tunku kepada

⁶ Arkib Negara Malaysia, The Straits Times, 8 Februari 1968, hlm 7.

⁷ Arkib Negara Malaysia – Penyata Tahunan Persekutuan Tanah Melayu 1957, hlm 4.

⁸ Syed Othman Syed Omar, *Rejimen Askar Melayu Diraja 1933-1968*, Universiti Malaya.2005. hlm 32.

Britain sebelum Tanah Melayu merdeka lagi. Hal ini terbukti melalui manifesto Parti Perikatan dalam pilihan raya 1955.⁹ Manifesto ini menyatakan Tanah Melayu akan menjadi negara anggota Komanwel pasca merdeka dan Tanah Melayu turut mengiktiraf Ratu Inggeris sebagai simbol persatuan negara-negara yang bebas merdeka.

Melalui perjanjian ini secara prinsipnya negara anggota yang menjadi ahli pertubuhan Komanwel akan mendapat bantuan ketenteraan daripada negara-negara anggota seperti Australia dan New Zealand selain Britain sendiri untuk menentang kegiatan komunis antarabangsa dan ancaman-ancaman lain terhadap keselamatan negara. Bagaimanapun Tanah Melayu turut memberi kebenaran kepada Britain untuk menjadikan Tanah Melayu sebagai pangkalan dan penempatan pusat tentera simpanan Komanwel yang melindungi tentera British, Australia dan New Zealand.

DASAR LUAR KESELAMATAN YUGOSLAVIA SEMASA JOSIP BROZ TITO

Dasar luar Tito di Yugoslavia selepas menjawat jawatan Presiden ialah memastikan bahawa Yugoslavia bebas merencanakan masa depannya sendiri tanpa pengaruh mana-mana blok samada komunis Soviet atau kuasa imperialis Amerika. Polisi Tito ini mendapat tentangan daripada komunis Soviet yang menganggap bahawa Tito adalah pengkhianat kepada perjuangan komunis. Kesan daripada permusuhan tersebut, Tito mendapati bahawa kemerdekaan dan kedaulatan Yugoslavia terdedah kepada ancaman Soviet dan satelitnya di Eropah Timur. Sebagai sebuah negara yang baru merdeka selepas Perang Dunia ke II, Tito mendapati Yugoslavia perlu membuat hubungan diplomatik dengan semua negara kuasa besar termasuk Amerika yang menjadi musuh Soviet. Tujuan ini adalah untuk memastikan keselamatan masa depan Yugoslavia daripada ancaman luar terutamanya sekutu Soviet di Eropah Timur.

⁹ Manifesto Parti Perikatan pada Pilihan raya UMUM 1955: *The Road to Independence*, Kuala Lumpur, Julai 1955.

Manakala di pihak Amerika pula, adalah kepentingan yang utama kepada negara itu supaya Tito terus menentang Soviet. Permusuhan tersebut adalah satu peluang kepada Amerika dari segi keselamatan sekiranya percakaran antara Tito dan Kremlin berterusan. Tito dapat dijadikan contoh kepada satelit Soviet yang lainnya untuk membebaskan diri daripada 'penaklukan' Soviet. Perpecahan Yugoslavia daripada Soviet akan menyebabkan strategi Soviet lemah di Eropah Timur. Sebaliknya, sekiranya Soviet berjaya mengawal Yugoslavia, ini akan merupakan bencana kepada dasar keselamatan dan pengaruh Amerika di Eropah Timur. Ini kerana Soviet akan menempatkan sejumlah besar askarnya yang telah dilatih di negara tersebut dan akan memperkukuhkan kedudukan Soviet di Semenanjung Balkan dengan angkatan tentera yang lengkap. Tambahan pula, kedudukan geografi yang strategik membolehkan Soviet menguasai kawasan di sepanjang pesisir laut Adriatik dan keseluruhan pesisir utara Greek.¹⁰ Oleh itu, faktor utama dalam menentukan polisi Amerika ialah memastikan Yugoslavia tidak jatuh ke tangan Soviet Union. Kejayaan Yugoslavia akan membolehkan Amerika mencapai kapitalisme yang merupakan objektif kebangsaan Amerika. Disebabkan faedah yang bakal diterima oleh Amerika, Amerika berpendapat adalah wajar kepada kerajaannya memberi bantuan ekonomi dan militari kepada Yugoslavia. Apatah lagi kerajaan Yugoslavia yang mengasingkan dirinya daripada sudut ekonomi dan diplomatik serantau buat masa ini amat membahayakan kedudukan Tito.

Oleh itu Presiden Truman telah memberi jaminan bantuan militari kepada Yugoslavia sekiranya Yugoslavia memerlukannya. Walaupun mengikut akta Mutual Defense Assistance 1949, kerajaan Amerika tidak boleh memberi bantuan militari kepada negara luar, tetapi boleh membantu Yugoslavia mendapatkan senjata daripada pihak luar dengan bantuan Amerika. Kerajaan Truman memberi jaminan tersebut kepada Tito supaya Tito meneruskan polisinya memusuhi Soviet. Namun bagi kes Yugoslavia, walaupun negara itu tidak menjadi ahli NATO atau European Economic Coopeartion (ERP) tetapi atas sebab kecemasan

¹⁰ NSC 57406 US Policy Toward Yugoslavia (tiada tarikh).

dan keamanan sejagat bantuan ketenteraan telah diluluskan oleh Amerika kepada Yugoslavia.

Amerika bersetuju untuk memberi bantuan militeri kepada Yugoslavia adalah sebagai satu jaminan keselamatan untuk membantu Yugoslavia sekiranya diserang oleh Soviet. Amerika bimbang konflik yang wujud antara Yugoslavia dan Soviet akan menyebabkan serangan Soviet ke atas Yugoslavia sebagai salah satu cara untuk menghapuskan rejim Tito di Yugoslavia.¹¹ Menurut Amerika, Soviet berkemungkinan akan menggerakkan gerila untuk memberontak di Yugoslavia. Selain itu, negara satelit Soviet di Eropah Timur juga boleh menyerang Yugoslavia atas restu Soviet. Tito tidak mungkin dapat bertahan dengan serangan-serangan tersebut kerana kekurangan peralatan peperangan Soviet. Yugoslavia sebelum ini mendapat bekalan senjata dan bantuan militeri yang sejumlah besarnya adalah daripada Soviet. Maka, sekatan bantuan militeri ke atas Yugoslavia oleh Soviet akibat konflik ini tentu akan melemahkan pertahanan Yugoslavia. Tito memerlukan bantuan senjata daripada negara-negara Barat selain daripada bantuan ekonomi yang diberikan kepadanya. Ini merupakan pertimbangan yang diambil kira oleh Amerika untuk memberi bantuan militeri kepada Yugoslavia.¹² Tujuan Amerika adalah mengekalkan rejim Tito dan mengekalkan kemerdekaan Yugoslavia. Ini kerana Kremlin cuba menyingkirkan Tito dan menggantikannya dengan pemimpin yang sehaluan dengan Kremlin.

“United States Policy toward Yugoslavia since the Yugoslav-Cominform break, has been to strengthen the capacity of Yugoslavia to maintain its independence in the face of Soviet pressures.”¹³

Kesannya, Amerika telah menyokong bantuan militeri kepada Yugoslavia melalui Frienship Pact antara Greece, Turki dan Yugoslavia pada

¹¹ NSC 18 *United States Policy Toward The Conflict Between The USSR and Yugoslavia*, 7 November 1949.

¹² *ibid*

¹³ NSC 18, Office of The Secretary of Defense 8 September 1950.

Februari 1953. Melalui kerjasama ini, peralatan perang Yugoslavia telah ditingkatkan dan kerjasama ini berjaya mengukuhkan kedudukan Tito di Yugoslavia daripada serangan Soviet. Kerjasama Tito dalam bidang ekonomi dan militari adalah lebih berpihak dengan barat berbanding dengan Soviet sebelum ini dalam bidang-bidang tersebut.¹⁴ Namun bagi Amerika, walaupun berjaya mempertahankan kedudukan Tito daripada Kremlin, tetapi Yugoslavia tetap merupakan sebuah negara komunis.

Kepentingan Yugoslavia dari segi kedudukannya yang strategik di Eropah Timur dan kejayaan Tito melepasi cengkaman Kremlin merupakan faktor utama kepada sistem barat untuk menewaskan 'penaklukan' Soviet Union. Ini adalah kerana kedudukan geografi dan kekuatan tenteranya yang melebihi 340,000 orang, dan angka tersebut dapat ditingkatkan kepada 1.2 juta dalam masa 30 hari sekiranya berlaku kecemasan.¹⁵ Yugoslavia merupakan benteng pertahanan yang baik dan berpotensi untuk menghalang kemaraan Soviet di Timur Mediterranean dan di Eropah Timur serta dapat mengukuhkan pertahanan barat terutama di Afrika Utara dan kawasan Timur Dekat. Dari sudut politik pula, kemerdekaan Yugoslavia merupakan satu cabaran dan menjadi penghalang kepada pengaruh Soviet dalam mengembangkan pergerakan komunis di dunia terutamanya di kalangan satelitnya. Oleh yang demikian, ini merupakan agenda penting kepada Amerika supaya Yugoslavia terus merdeka dan mempunyai hubungan yang rapat dengan barat untuk menyokong barat sekiranya berlaku penaklukan Soviet di Eropah. Selain itu, sebagai sokongan Amerika kepada Tito, Amerika telah menggunakan pengaruhnya dengan menyokong kemasukan Yugoslavia dalam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada tahun 1949.

alam usaha untuk menguatkan kedudukan Tito dalam usaha menentang Moscow, adalah wajar pada pandangan Amerika untuk mengambil langkah lebih positif untuk menggalakkan bantuan ekonomi ke Yugoslavia dengan memanjangkan lagi tempoh masa jangka pendek iaitu daripada

¹⁴ NSC 18, Office of The Secretary of Defense 8 September 1950.

¹⁵ NSC 57406, US Policy toward Yugoslavia (tiada tarikh)

1951 sehingga 1956. Malah Amerika menawarkan penghantaran bantuan ketenteraan seperti dua buah kereta kebal jika perlu kepada Tito agar Tito dapat melaksanakan tentera udara dan pengangkutan tentera bila beroperasi. Selain itu, Amerika turut bersedia dengan bantuan laut dan udara sekiranya Yugoslavia diserang.¹⁶

Berikut adalah jumlah perbelanjaan Amerika untuk membantu melengkapkan dan menambah militeri Yugoslavia dalam tempoh tahun 1951-1956. Perbelanjaan Amerika terhadap militeri di Yugoslavia adalah paling tinggi dari tahun 1951 sehingga 1953 kerana tempoh tersebut merupakan tahun kritikal dalam hubungan Yugoslavia–Soviet di mana Amerika bimbang serangan Soviet terhadap Amerika.

Jadual Perbelanjaan militeri (mata wang Amerika dalam juta)¹⁷

	Tahun Fiskal				Jumlah
	1951-1953	1954	1955	1956	
Bantuan Militeri	705.1	112.5	149.9	108.7	1,076.2

Bantuan ini adalah supaya Yugoslavia dapat bertindak balas terhadap serangan, dan rakyatnya dapat hidup dengan kerajaan yang dipilih oleh mereka. Bantuan Amerika di bawah program MDAP (*Major Defence Acquisition Programs*) pula telah melatih lebih ramai juru teknik dan juru terbang angkatan tentera udara Yugoslavia untuk mengendalikan 200 jet pejuang yang dibekalkan oleh Amerika. Melalui bantuan tersebut, Yugoslavia telah dapat melibatkan diri dan menyumbang dengan lebih banyak di dunia bebas dan lebih mantap struktur pertahanannya untuk menghadapi ancaman Soviet.

¹⁶ FRUS Vol IV The Charge in Yugoslavia (Reams) to the Secretary of State, Belgrade, 31 Ogos, 1948.

¹⁷ NSC 57406 US Policy Toward Yugoslavia (tiada tarikh).

PENILAIAN TERHADAP DASAR KESELAMATAN TUNKU ABDUL RAHMAN DAN TITO

Dasar luar Tunku yang banyak bergantung kepada Barat khususnya Britain dapat dikaitkan dengan faktor semasa negara ketika itu. Perjanjian AMDA yang ditandatangani oleh Tunku dilihat oleh beliau sebagai dapat mempertahankan kemerdekaan dan keselamatan Tanah Melayu daripada ancaman komunis. Tunku terus menerus memperjuangkan dasar anti-komunis ini disebabkan pengalaman pahit yang pernah dilalui dan dirasai oleh beliau semasa pemerintahan komunis. Beliau khawatir berlaku sebarang peperangan ke atas Tanah Melayu. Walaupun hubungan dengan Barat tersebut dianggap konservatif, tetapi itu yang terbaik pada pandangan Tunku ketika itu.¹⁸ Malah, pada awal kemerdekaan, pasukan pertahanan Malaysia adalah sangat kecil. Malaysia hanya mempunyai satu divisyen Rejimen Askar Melayu dan tidak mempunyai pasukan tentera laut dan udara. Kekurangan ini disedari oleh Tunku seperti yang disuarakan oleh beliau dalam persidangan Parlimen pada 2 Oktober 1957:

“.....let us face facts, and the facts are that we have at our command and army of less than one division strength; we have no air force, not even a single plane or sailor and we have not even a sea-going craft. With the revenue at our command we can never be able to build our forces to the strength which we could require for the defence of our country”.

AMDA pada pendapat Tunku, boleh dijadikan sebagai tulang belakang kepada keselamatan Malaysia yang baru sahaja mencapai kemerdekaan. Perjanjian ini membuktikan bahawa penggantungan Malaysia pada Britain adalah masih kuat. Keadaan ini wujud kerana situasi dalaman di Malaysia yang masih diancam oleh pemberontakan Parti Komunis Malaya dan darurat. Bagi menjamin keamanan dan keselamatan serta pertahanan negara, penggantungan kepada Barat adalah perlu. Ternyata dasar luar keselamatan yang pro Barat yang dilakukan oleh Tunku berjaya

¹⁸ Faridah Jaafar, *Perdana Menteri dan Dasar Luar Malaysia 1957 – 2005*. Universiti Malaya Press, 2007. hlm.35.

mengelak negara ini daripada tunduk pada ancaman komunis, malah dapat menghapuskan saki baki komunis dan darurat berjaya ditamatkan pada tahun 1960.

Penyertaan Malaysia sebagai salah satu anggota Komanwel pula memberi kelebihan kepada Malaysia juga dari segi keselamatan dan pertahanan. Antara kebaikan dan keuntungan yang diperoleh menerusi pertubuhan ini ialah bantuan ketenteraan daripada negara-negara anggota. Atas dasar keselamatan dan pertahanan juga yang mendorong Tunku berminat menganggotai Komanwel. Komanwel turut menjadi wadah yang menghubungkan Malaysia dengan negara-negara Komanwel terutamanya Britain dalam pelbagai aspek kerjasama seperti politik dan ekonomi. Antaranya Malaysia turut menikmati faedah-faedah ekonomi seperti perdagangan, program pembangunan, bantuan teknikal dan sebagainya.

Dapatlah dikatakan bahawa dasar luar yang digariskan oleh Tunku pada awal kemerdekaan Tanah Melayu adalah didorong oleh kepentingan keselamatan Malaysia yang sedang menghadapi ancaman komunis. Ini berkesan kerana dasar anti komunis Tunku ini seiringan dengan dasar anti komunis yang diperjuangkan oleh blok demokrasi yang didokongi oleh Britain dan sekutunya Amerika di seluruh dunia. Peribadi Tunku yang pro Barat telah menjana dasar luar Malaysia yang nampak konservatif ke arah mengekalkan ketuanan Britain di Tanah Melayu. Tidak dapat dinafikan bahawa dasar luar Tunku ini walaupun dikatakan konservatif, tetapi berjaya dalam usahanya menghadapi ancaman komunis, tetapi ancaman seterusnya seperti konfrontasi Malaysia dan Indonesia dan Peristiwa 13 Mei memberi pengalaman dan pengajaran kepada Malaysia bahawa Malaysia perlu merangka dasar luarnya dengan lebih terbuka tanpa mengira ideologi.

Sekiranya Tunku berjaya dalam dasar anti-komunis dan berjaya menyelamatkan Tanah Melayu daripada jatuh ke tangan komunis, Tito

juga berjaya menggunakan hubungan diplomatik dengan seteru Soviet iaitu Amerika untuk mengekalkan kedudukannya sebagai Presiden Yugoslavia dan mengekalkan kedaulatan dan kemerdekaan Yugoslavia. Yugoslavia berjaya menggunakan Amerika sebagai *check and balance* kepada keselamatan negaranya daripada ancaman Soviet dan satelitnya di Eropah Timur. Ini kerana Soviet cuba menggulingkan Tito apabila beliau enggan mengikut peraturan komunis yang ditetapkan oleh Soviet tetapi bantuan keselamatan dan pertahanan yang diperoleh daripada Amerika berjaya menyelamatkan Yugoslavia dan dapat menakutkan Soviet akan tindak balas ketenteraan Yugoslavia. Apa yang berbeza Tunku tidak berpaling tadah kepada pihak lain sebaliknya mengekalkan kesetiaan terhadap Britain, sebaliknya Yugoslavia di bawah Tito yang mempunyai hubungan *sentimental value* dengan Soviet sejak beratus tahun lamanya tidak mudah tunduk sebagai boneka Soviet apabila Soviet ingin merencanakan Yugoslavia mengikut acuan Stalin dan berpaling kepada bantuan Amerika.

Kejayaan Tito ini juga dapat dinilai dari segi keberkesanannya menyeimbangkan pengaruh Amerika dan Soviet di Yugoslavia. Walaupun, Tito mendapat bantuan keselamatan dan pertahanan daripada Amerika tetapi Yugoslavia tetap berhati-hati dalam hubungan tersebut kerana tidak mahu menjadi mangsa imperialis Amerika. Amerika sendiri ada ketikanya bimbang dengan dasar luar Tito yang sukar diramal. Namun Amerika atas prinsip mahu merenggangkan Yugoslavia daripada Soviet mengambil tindakan membantu Yugoslavia supaya Yugoslavia tidak terperangkap dengan Soviet. Selain itu, Amerika juga mahu Yugoslavia menjadi contoh kepada negara-negara Balkan yang lain bahawa Yugoslavia dapat mengekalkan kemerdekaan dan maju dalam ekonomi walaupun tidak mengikut blok Soviet. Apa yang penting dasar luar Tito ini berjaya membawa kemakmuran kepada Yugoslavia dari segi keselamatan dan membangunkan semula ekonominya yang teruk akibat kemusnahan semasa Perang Dunia II.

KESIMPULAN

Pengalaman dan sejarah negara serta sikap pemimpin telah membentuk dasar luar sesebuah negara. Sebagai contoh, Malaysia selepas merdeka memperjuangkan dasar anti komunis kerana pengalaman Tunku berada di bawah pemerintahan komunis selepas Perang Dunia II. Malah cita-cita PKM untuk menubuhkan sebuah negara komunis di Malaysia semasa dan selepas penjajahan British menjadikan dasar luar Malaysia semasa Tunku lebih bersifat pro-barat. Ini bersesuaian dengan kondisi negara yang baru menikmati kemerdekaan dan memerlukan dasar luar yang sesuai dengan kondisi pada masa tersebut. Begitu juga Tito yang sedang menghadapi ancaman daripada komunis Soviet dan cengkaman imperialis Amerika telah memperkenalkan dasar luar yang bebas dan berdikari serta neutral dan tidak berpihak kepada mana-mana blok. Dasar luar Tito ini membawa keberkesanan kepada Yugoslavia, kerana Tito telah berjaya menyelamatkan kuasa dan kedudukannya serta menjamin kemerdekaan Yugoslavia daripada persaingan kedua-dua blok kuasa besar itu yang mempunyai agenda untuk mengukuhkan kedudukan mereka di Yugoslavia.

Rujukan:

Dokumen

Arkib Negara Malaysia, *The Straits Times*, 8 Februari 1968, hlm 7.

Arkib Negara Malaysia – Penyata Tahunan Persekutuan Tanah Melayu 1957, hlm 4.

Dasar Luar : 1957-1992: Satu Kajian, Arkib Negara Malaysia 2002/0007793.

FRUS Vol IV *The Charge in Yugoslavia (Reams) to the Secretary of State, Belgrade*, 31 Ogos, 1948.

Manifesto Parti Perikatan pada Pilihanraya UMUM 1955: *The Road to Independence*, Kuala Lumpur, Julai 1955.

- NSC 18, United States Policy Toward The Conflict Between The USSR and Yugoslavia, 7 November 1949.
- NSC 18, Office of The Secretary of Defense 8 September 1950.
- NSC 18, Office of The Secretary of Defense 8 September 1950.
- NSC 57406, US Policy Toward Yugoslavia (tiada tarikh).
- NSC 57406, US Policy toward Yugoslavia (tiada tarikh)
- NSC 57406, US Policy Toward Yugoslavia (tiada tarikh).
- Ucapan Tunku di Perhimpunan Agung UMNO pada 31 Julai 1966.

Buku

- Faridah Jaafar. 2007. Perdana Menteri dan Dasar Luar Malaysia 1957 – 2005. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Frucht, R. (ed.). 2004. Eastern Europe : An introduction to the people, lands and culture (Vol 1). London: ABC- CL10 Incorporated.
- Lees, L. M. 2007. Yugoslav-Americans and National Security during World War II. USA: University Illinois Press..
- Saravanamuttu J. 1983. The dilemma of independence: Two decades of Malaysia's Foreign Policy 1957-1977. Penang: Universiti Sains Malaysia Press.
- Syed Othman Syed Omar. 2005. Rejimen Askar Melayu Diraja 1933-1968. Kuala Lumpur: Universiti Malaya Press.